

ARTCHEMIST : EXPERIMENTING IDEAS INTO ART

TEMA : 100 TAHUN UPSI - *PUBLIC ART PARK -
SUSTAINABLE ECOSYSTEM*

*EDUCATIONAL ART PARK : INOVASI
PENGHASILAN MODEL REKA BENTUK
LANDSKAP MELALUI PANDANGAN SISI DAN
KERATAN RENTAS DI KAMPUS SULTAN AZLAN
SHAH, UPSI*

WAN MUHAMMAD ALIF BIN WAN NORHASNI

FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI
KREATIF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



**EDUCATIONAL ART PARK : INOVASI PENGHASILAN MODEL REKA BENTUK
LANDSKAP MELALUI PANDANGAN SISI DAN KERATAN RENTAS DI KAMPUS
SULTAN AZLAN SHAH, UPSI**

WAN MUHAMMAD ALIF BIN WAN NORHASNI

D20191088935

A221

**IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SENI) DENGAN KEPUJIAN JABATAN
SENI DAN REKA BENTUK FAKULTI SENI, KELASTARIAN DAN INDUSTRI
KREATIF**

2023



PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ini merupakan hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa penulisan berkenaan kajian ini belum diterbitkan atau diserahkan kepada mana-mana pihak.



Tandatangan :

Tarikh :

NAMA PENGKAJI : WAN MUHAMMAD ALIF BIN WAN NORHASNI

NO. MATRIK : D20191088935



PENGESAHAN PENGHANTARAN

Penulisan kajian ini telah di semak oleh:

Nama penyelia :

Tandatangan :

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Cop rasmi :

Diterima penghantaran oleh:

Nama penyelaras :

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim....

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”

Syukur kepada Tuhan dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tugas penulisan tesis dan karya tahun akhir dengan jayanya. Insyaallah, penulisan tesis ini akan memberikan banyak manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian dan di masa hadapan. Saya, Wan Muhammad Alif Bin Wan Norhasni ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelaras Tahun Akhir iaitu Dr. Elis Syuhaila binti Mokhtar dan Penyelia Studio Reka Bentuk Landskap iaitu Dr Azlin Iryani binti Mohd Noor, pensyarah-pensyarah yang lain serta pereka-pereka studio kerana tidak jemu-jemu memberi bimbingan, dorongan, dan tunjuk ajar cara cara membuat penulisan tesis dan penghasilan karya tahun akhir mengikut kriteria yang ditetapkan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu saya iaitu Puan Wan Rahimah Binti Wan Mamat yang turut membantu. Tanpa sokongan mereka mungkin saya tidak dapat menyiapkan penulisan dan penghasilan karya tahun akhir seperti ini. Ini kerana kerja-kerja untuk menyiapkan penulisan dan penghasilan karya tahun akhir ini memerlukan motivasi, usaha, buah fikiran dan wang ringgit. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan mempunyai semangat setia kawan yang utuh dalam memberikan buah fikiran dan semangat, serta cadangan. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyiapkan penulisan dan penghasilan karya tahun akhir ini.

Sekian, terima kasih.



PENYATAAN PERIBADI

“*Land Of Appreciation*” merupakan konsep *Educational Art Park* yang mengfokuskan apresiasi graduan atau lebih menjurus kepada penghargaan untuk mengenang jasa para alumni, pensyarah, pelajar dan warga UPSI yang diterjemahkan menerusi penghasilan reka bentuk landskap yang mengangkat peranan “Taman sebagai sebuah penghargaan kepada warga UPSI”. Reka bentuk taman ‘*Educational Art Park*’ adalah taman yang dimana pengkarya menghargai penat lelah kesemua warga UPSI yang bertungkus lumus dalam segala hal yang dilakukan oleh mereka untuk menjadikan tempat pembelajaran yang sangat menarik melalui olahan landskap secara visual. Pengkarya memilih kawasan Dewan Tuanku Canselor (DTC) memandangkan ruangan ini dijadikan fokus kajian lapangan. Pengkarya ingin mengaplikasikan kaedah yang berbeza daripada teknik penghasilan landskap sedia ada iaitu menghasilkan model landskap dari sudut pandangan sisi atau ‘*Landscape Elevation*’ dengan menggunakan skala 1:50 pada penghasilan model 3D.



ABSTRAK

Inovasi terhadap penghasilan model 3D reka bentuk landskap jarang dihasilkan oleh mana-mana individu. Pengkarya mengambil inisiatif terhadap hal tersebut untuk menghasilkan model 3D reka bentuk landskap yang menggunakan stail pandangan sisi dan keratan rentas. Pengkarya ingin mengkaji tentang teknik penghasilan reka bentuk landskap stail pandangan sisi dan keratan rentas dalam penghasilan model 3D. Stail pandangan sisi dan keratan rentas ialah teknik pandangan sisi melibatkan mencipta lukisan atau model reka bentuk landskap seolah-olah ia dihiris separuh menegak. Objektif kajian ini adalah mengidentifikasikan kriteria elemen reka bentuk landskap yang sesuai bagi penghasilan model keratan rentas *educational art park*. Selain itu, mengaplikasikan elemen reka bentuk landskap *educational art park* dalam penghasilan pelan konsep dan pelan induk. Akhir sekali, menginovasikan penghasilan Model 3D reka bentuk landskap melalui kaedah pandangan sisi dan keratan rentas dengan penggunaan skala yang tepat. Pengkarya menggunakan kajian praktis studio untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam tentang kajian yang ingin dihasilkan. Kajian ini dijalankan untuk membuka mata masyarakat terutamanya di sekolah iaitu para guru seni bahawasanya penghasilan model 3D bukan hanya menggunakan teknik yang sama dan iainya boleh dipelbagaikan mengikut kesesuaian idea. Oleh itu, kajian ini dijalankan agar mampu memberikan perkara baharu kepada masyarakat diluar sana terutamanya golongan pelajar dan guru. Kajian ini dilakukan bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI dan tempoh kajian dijalankan selama satu semester iaitu selama enam bulan. Kajian ini diharapkan supaya dapat dijadikan sebagai panduan dan bahan ilmiah kepada pelbagai pihak berkepentingan pelajar dan pengkaji yang ingin mengkaji tentang penggunaan teknik *Section Elevation* pada masa akan datang.

Kata Kunci : Inovasi, Model Reka Bentuk Landskap, Pandangan Sisi dan Keratan Rentas, Bidang Reka Bentuk



ISI KANDUNGAN

Senarai Kandungan	Muka Surat
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN PENGHANTARAN	ii
PENGHARGAAN	iii
PERNYATAAN PERIBADI	iv
ABSTRAK	v
ISI KANDUNGAN	vi
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Isu / Permasalahan	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Signifikasi Kajian	8
1.6 Metodologi Kajian	8
1.6.1 Kaedah Praktis Studio Dalam Penghasilan Model Reka Bentuk Landskap	9
1.7 Carta Perbatuan	9
BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR	14
2.1 Bacaan Konteks Teori	15
2.1.1 Teori Tahap Perkembangan Kreativiti	15
2.1.2 Teori Keperluan Maslo	17

2.2 Kajian Praktis Studio	20
2.3 Kajian Pustaka	23
2.4 Definisi	24
2.4.1 Definisi Inovasi	24
2.4.2 Definisi Model	25
2.4.3 Definisi Reka Bentuk Landskap	25
2.4.4 Definisi Pandangan Sisi dan Keratan Rentas	25
2.4.5 Definisi Penghargaan	26
2.5 Artis Rujukan	27
2.5.1 Zaha Hadid	27
2.5.2 Santiago Calatrava	29
2.5.3 Norman Foster	31
2.5.4 Steven Holl	33
2.5.5 Philip Johnson	35
2.6 Projek Rujukan	37
2.6.1 River Of Life, Kuala Lumpur, Malaysia	37
2.6.2 Vitra Campus, Weil Am Rhein, Germany	39
2.6.3 Boston University Tanglewood Institute, Massachusetts, USA	41
2.6.4 University Of Arkansas, Fayetteville, USA	43
2.6.5 The Brochstein Pavilion At Rice University, Houston, USA	45

2.6.6 Chelsea College of Art Parade Ground, London, UK	47
2.6.7 Angel Field, Liverpool Hope University's, Liverpool, UK	49
2.6.8 National Center Of Indigenous Excellence, Sydney, Australia	51
2.6.9 BGU University Entrance Square & Art Gallery, Beer Sheva, Israel	53
2.6.10 Goethe University Frankfurt, Frankfurt (Oder), Germany	55
2.6.11 Kosaka Tetsudo Rail Park, Kosaka, Japan	57

BAB 3 : KAJIAN STUDIO 59

3.1 Kaedah Kajian Visual 60

3.2 Penjanaan Idea 66

3.3 Konsep *Educational Art Park* 68

3.3.1 Cadangan Elemen Dalam Konsep *Educational Art Park* Melalui Proses Kajian Visual 70

BAB 4 : PRAKTIS STUDIO DALAM REKA BENTUK LANDSKAP 73

4.1 Stail Reka Bentuk Landskap Pandangan sisi dan Keratan Rentas 74

4.2 Eksperimentasi Teknik Dan Bahan 75

4.3 Pemilihan Bahan Untuk Penghasilan Model 3D 76

4.3.1 Bahan 77

4.3.2 Alat 78

4.4 Proses kreatif (Proses Penghasilan Model)	80
4.4.1 Analisis dan Inventori Tapak Kajian	80
4.4.2 Penghasilan pelan asas	84
4.4.3 <i>Bubble Diagram</i>	86
4.4.4 Pelan konsep	92
4.4.5 Pelan induk dan perincian	94
4.4.6 Membangunkan Model 3D	96
4.5 Model reka bentuk landskap <i>Land Of Appreciation</i>	104
 BAB 5 : PENUTUP & CADANGAN	106
5.1 Penutup	107
5.2 Cadangan	109
 BIBLIOGRAFI	110
 LAMPIRAN	112

**SENARAI RAJAH/ GAMBAR**

No. Rajah	Muka Surat
Rajah 1 : Carta Perbatuan	9
Rajah 2: Teori Tahap Perkembangan Kreativiti Oleh Laura H. Chapman (1978)	15
Rajah 3 : Kerangka Konsep Kajian Educational Art Park : Inovasi Penghasilan Model Reka Bentuk Landskap Melalui Pandangan Sisi Dan Keratan Rentas	17
Rajah 4 : Teori Keperluan Maslow Tingkat Kelima (Keperluan Penghargaan Diri)	19
Rajah 5 : Komponen Praktikal Dalam Reka Bentuk Landskap	23
Rajah 6 : Proses Penghasilan Karya Dalam Bidang Reka Bentuk Landskap	60
Rajah 7 : Perancangan Dalam Reka Bentuk Landskap	66

No. Gambar	Muka Surat
Gambar 1 : Zaha Hadid	27
Gambar 2 : Contoh Karya Arkitek Zaha Hadid	28
Gambar 3 : Santiago Calatrava	29
Gambar 4 : Contoh Karya Arkitek Santiago Calatrava	30
Gambar 5 : Norman Foster	31
Gambar 6 : Contoh Karya Arkitek Norman Foster	32
Gambar 7 : Steven Holl	33



Gambar 8 : Contoh Karya Arkitek Steven Holl	34
Gambar 9 : Philip Johnson	35
Gambar 10 : Contoh Karya Arkitek Philip Johnson	36
Gambar 11 : River Of Life	37
Gambar 12 : Kawasan River Of Life	38
Gambar 13 : Vitra Campus	39
Gambar 14 : Kawasan Vitra Campus	40
Gambar 15 : Boston University Tanglewood Institute	41
Gambar 16 : Kawasan Boston University Tanglewood Institute	42
Gambar 17 : University Of Arkansas	43
Gambar 18 : Kawasan University Of Arkansas	44
Gambar 19 : The Brochstein Pavilion At Rice University	45
Gambar 20 : Kawasan The Brochstein Pavilion At Rice University	46
Gambar 21 : Chelsea College of Art Parade Ground	47
Gambar 22 : Kawasan Chelsea College of Art Parade Ground	48
Gambar 23 : Angel Field, Liverpool Hope University's	49
Gambar 24 : Kawasan Angel Field, Liverpool Hope University's	50
Gambar 25 : National Center Of Indigenous Excellence	51
Gambar 26 : Kawasan National Center Of Indigenous Excellence	52
Gambar 27 : BGU University Entrance Square & Art Gallery	53
Gambar 28 : Kawasan BGU University Entrance Square & Art Gallery	54



Gambar 29 : Goethe University Frankfurt	55
Gambar 30 : Kawasan Goethe University Frankfurt	56
Gambar 31 : Kosaka Tetsudo Rail Park	57
Gambar 32 : Kawasan Kosaka Tetsudo Rail Park	58
Gambar 33 : River Of Life, Kuala Lumpur, Malaysia	60
Gambar 34 : Central Market, Kuala Lumpur, Malaysia	61
Gambar 35 : Pasar Seni, Kuala Lumpur, Malaysia	61
Gambar 36 : Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur, Malaysia	62
Gambar 37 : Saloma Bridge, Kuala Lumpur, Malaysia	62
Gambar 38 : Masjid Jamek, Kuala Lumpur, Malaysia	63
Gambar 39 : Taman Burung, Kuala Lumpur, Malaysia	63
Gambar 40 : Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur, Malaysia	64
Gambar 41 : Muzium Negara, Kuala Lumpur, Malaysia	64
Gambar 42 : Kompleks Kraf Negara, Kuala Lumpur, Malaysia	65
Gambar 43 : Gallery Ilham, Kuala Lumpur, Malaysia	65
Gambar 44 : Contoh Taman Berkonsepkan <i>Educational Art park</i>	69
Gambar 45 : Elemen Kawasan Arca	71
Gambar 46 : Laman Pameran Luar	72
Gambar 47 : Kawasan Terapi	72
Gambar 48 : Span	77
Gambar 49 : Tanah liat	77
Gambar 50 : Modelling Board	77



Gambar 51 : Balsa Wood	77
Gambar 52 : Kertas Stiker	77
Gambar 53 : <i>Epoxy Resin Water</i>	77
Gambar 54 : Serbuk Hijau	78
Gambar 55 : Stik Kayu	78
Gambar 56 : <i>Card Board</i>	78
Gambar 57 : Kertas Rumpit	78
Gambar 58 : Pisau	78
Gambar 59 : <i>T-Square</i>	78
Gambar 60 : <i>Cutting Mat</i>	79
Gambar 61 : Pembaris Besi	79
Gambar 62 : Jangka Lukis	79
Gambar 63 : Pembaris Skala	79
Gambar 64 : Dewan Tuanku Canselor (DTC)	81
Gambar 65 : kawasan Lapang Di Sekitar DTC	82
Gambar 66 : Gambaran Pandangan Sisi Di DTC	82
Gambar 67 : Pelan Asas Tapak	82
Gambar 68 : Pelan Analisis Tapak	83
Gambar 69 : Analisis Dan Inventori Tapak Kajian	83
Gambar 70 : Tapak yang dipilih	84
Gambar 71 : Ukuran Tapak	85
Gambar 72 : DTC Yang Jauh Daripada Kolej Pelajar	85
Gambar 73 : <i>Bubble Diagram Land Of Appreciation</i>	86

Gambar 74 : Lakaran Awal	86
Gambar 75 : Lakaran Awal	87
Gambar 76 : Lakaran Awal	87
Gambar 77 : Lakaran Awal	87
Gambar 78 : Lakaran Awal	88
Gambar 79 : Lakaran Laluan Pintu Utama	88
Gambar 80 : Lakaran Meja Dan Kerusi	88
Gambar 81 : Lakaran Arca	89
Gambar 82 : Lakaran Laluan Pejalan Kaki	89
Gambar 83 : Lakaran Kerusi Taman	89
Gambar 84 : Lakaran Tiang Lampu	90
Gambar 85 : Lakaran Kolam Air	90
Gambar 86 : Lakaran Pokok	90
Gambar 87 : Lakaran Kawasan Pembelajaran	91
Gambar 88 : Lakaran Kawasan Pameran Luar	91
Gambar 89: Lakaran Stesen Tram	91
Gambar 90 : Pelan Konsep	92
Gambar 91 : <i>Planting Plan</i>	93
Gambar 92 : Kajian Warna	93
Gambar 93 : <i>Master Plan</i>	94
Gambar 94 : Lukisan Pandangan Sisi	94
Gambar 95 : Lukisan Perspektif 1	95
Gambar 96 : Lukisan Perspektif 2	95
Gambar 97 : Lukisan Perspektif 3	95
Gambar 98 : Pemotongan Tapak Model 3D	96

Gambar 99 : Menghasilkan Ukuran Pada Tapak	97
Gambar 100 : Menghasilkan Latar Belakang Tapak	97
Gambar 101 : Menghasilkan Elemen Kejur	98
Gambar 102 : Mewarna Elemen	98
Gambar 103 : Eksperimentasi <i>Epoxy Resin Water</i>	99
Gambar 104 : Hasil Eksperimentasi <i>Epoxy Resin Water</i>	99
Gambar 105 : Pemansangan Bingkai dan Lampu	100
Gambar 106 : Menghasilkan Elemen Lembut	100
Gambar 107 : Penampalan Elemen Pada Tapak	101
Gambar 108 : Karya <i>Land Of Appreciation</i>	102
Gambar 109 : Karya <i>Land Of Appreciation</i>	103
Gambar 110 : <i>Section A</i>	104
Gambar 111 : <i>Section B</i>	104
Gambar 112 : <i>Section C</i>	105



BAB 1

PENDAHULUAN



Bab ini akan membincangkan secara ringkas mengenai latar belakang kajian yang berkaitan dengan reka bentuk landskap berkonsepkan *Land Of Appreciation*. Selain itu, bab ini juga akan menerangkan mengenai pernyataan isu, objektif kajian, persoalan kajian, garis panduan projek, signifikan kajian dan carta perbatuan penyelidikan dan praktis studio.



1.1 Latar Belakang Kajian

Kursus Projek Tahun Akhir MSR3996 merupakan kursus wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni dengan kepujian (Seni) dimana tujuan subjek ini adalah berfokus kepada pengetahuan pelajar dalam menyelidiki proses penghasilan karya dan produk mengikut studio yang dipilih. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan segala aspek-aspek pengetahuan dan pengumpulan maklumat menerusi konsep pembelajaran sepanjang hayat yang dipelajari oleh mahasiswa mahasiswi menerusi perkembangan kreativiti melalui penghasilan portfolio. Semua pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni dengan kepujian (Seni) berkerjasama melibatkan diri dalam pameran akhir bagi menunjukkan nilai-nilai keperibadian intelektual dan kreativiti.

Untuk tema pada kali ini, pelajar tahun akhir ISMP Seni akan menghasilkan karya dan produk yang berkaitan dengan “ UPSI 100 Tahun – *Public Art Park – Sustainable Ecosystem*”. UPSI 100 Tahun merupakan perjalanan dari bermulanya pada tahun 1917 yang dipanggil *Sultan Idris Training College* (SITC), Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1973, Institut Perguruan Sultan Idris pada tahun 1987 dan Universiti Pendidikan Sultan Idris 1997 sehingga sekarang. Menurut Sekretariat 100 Tahun UPSI (2023), “100 tahun SITC – MPSI – IPSI – UPSI, memberi peluang kepada seluruh lapisan masyarakat dan rakyat Malaysia untuk merenungkan sejarah, meraikan pencapaian pendidikan kami sekarang dan membayangkan masa depan UPSI untuk generasi yang akan datang”. Definisi *Public Art Park* Menurut Muhammad Falihin Jasmia dan Nik Hanita Nik Mohamad (2016), “Seni awam ditakrifkan sebagai karya seni yang diletakkan secara luaran di kawasan awam dan kebanyakannya boleh diakses untuk penghayatan awam dan tujuan tontonan”. Maksud *sustainable* merupakan lestari. Menurut Dewa Bahasa dan Pustaka (2017), “Tidak berubah-ubah, kekal, tetap”. *Ecosystem* pula bermaksud ekosistem yang melibatkan penjagaan alam semula jadi iaitu flora dan fauna. Menurut Dewan Bahasa



dan Pustaka (2017), “Sistem yang melibatkan interaksi antara satu komuniti (haiwan, tumbuhan, dan sebagainya) dengan alam persekitarannya yang tidak bernyawa”. Maksud sustainable ecosystem merupakan kelestarian ekosistem untuk pengekalan sesebuah tempat yang berpanjang generasi ke generasi.

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti dan mengetengahkan reka bentuk landskap *Land Of Appreciation* yang mengangkat peranan “taman sebagai sebuah penghargaan” berkonsepkan *Educational Art Park*. Reka bentuk *Land Of Appreciation* adalah bertujuan untuk merakamkan Penghargaan kepada para alumni dan juga warga upsi atas kejayaan yang telah diperoleh sehingga mampu menaikkan nama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Pengkarya memilih kawasan tanah lapang di Dewan Tunku Canselor (DTC) memandangkan ruang ini adalah ruang lapang dan bersesuaian untuk dijadikan laman penghargaan untuk para alumni dan warga UPSI. Reka bentuk taman ini adalah berinspirasi ‘apresiasi graduan’ bertujuan bagi mencipta satu taman untuk menghargai pengorbanan dan kejayaan para alumni dan juga warga UPSI apabila pengunjung ketika berada dalam taman ini.

Selain itu, ciri – ciri reka bentuk landskap *Land Of Appreciation* terdiri daripada tiga komponen yang penting dalam pembentukan landskap iaitu tanaman, air dan perabot taman. Penggunaan tumbuh-tumbuhan yang ada mempunyai pelbagai fungsi dan kegunaannya dalam reka bentuk landskap *Land Of Appreciation* di Dewan Tuanku Canselor (DTC). Sebagai contoh, ia digunakan sebagai sumber makanan, tempat tinggal dan tempat teduh. Reka bentuk landskap *Land Of Appreciation* yang ringkas dan unik di mana perabot taman sebahagian besar untuk menghargai para alumni dan juga warga UPSI. Bagi reka bentuk landskap *Land Of Appreciation* menjadikan sesuatu kawasan landskap yang unik, reka bentuk landskap itu tersebut perlu mempunyai konsep menonjolkan keunikannya. Konsep ini mengandungi ciri-ciri reka bentuk yang dipilih termasuk bentuk susun atur ruang, skema warna, elemen



landskap, material landskap kejur, pemilihan tumbuh-tumbuhan dan lain-lain elemen reka bentuk yang lain.

1.2 Isu / Permasalahan

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih isu berkaitan dengan *Graduate Appreciation* di mana pengkaji ingin mengetengahkan konsep *Educational Art Park* dengan tema 'UPSI 100 Tahun - *Public Art Park – Sustainable Ecosystem*'. Dalam tema tersebut, pengkaji akan menghasilkan model reka bentuk landskap yang bertajuk "*Land Of Appreciation*" sebagai UPSI 100 Tahun – *Public Art Park – Sustainable Ecosystem* pengkaji.

Isu yang pertama ialah Apresiasi Graduan. Perkara ini sering diwar-warkan di media akhbar mahupun online. Hal ini terjadi kerana sikap pentingkan diri sendiri dan tidak menghargai sesama masyarakat menyebabkan kurang nilai rasa menghargai pengorbanan yang telah dilakukan oleh pihak-pihak tertentu. Menurut Fairizah Haris dan Ganes Gunansyah (2013), "Tujuan penelitian ini adalah untuk mengkaji aktivitas guru, siswa, kesadaran nilai menghargai jasa pahlawan siswa, serta mendeskripsikan respon siswa terhadap penerapan pembelajaran VCT (Value Clarification Technique)". Menamatkan pengajian dari kolej atau universiti adalah satu peristiwa penting dalam kehidupan seseorang. Ia mewakili tahun kerja keras, dedikasi, dan ketabahan ke arah mencapai kejayaan akademik. Pengijazahan bukan sahaja pencapaian peribadi, tetapi ia juga menandakan sokongan dan galakan yang diberikan oleh keluarga, rakan, dan profesor yang memainkan peranan penting dalam membentuk perjalanan akademik individu. Salah satu faktor kritikal yang menyumbang kepada kejayaan mana-mana pelajar ialah kualiti pendidikan yang disediakan oleh institusi. Ahli fakulti dan profesor memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar mendapat pendidikan yang terbaik.

Selain itu, isu memaksimumkan penggunaan ruang di kawasan Dewan Tuanku Canselor (DTC). Tidak dinafikan kawasan DTC kelihatan banyak ruang kosong tanpa hiasan. Untuk menghasilkan tempat pembelajaran yang kondusif, hal ini perlu dititikberatkan oleh pihak atasan untuk mewujudkan tempat pembelajaran yang mempunyai kawasan persekitaran mampu memberikan tarikan kepada orang ramai dan warga UPSI. Menurut Deasy Larasati Nurrahmah Putri (2020), "Masalah yang akan diselesaikan dalam bangunan adalah dari cara mereka bentuk susun atur ruang, susun atur massa bangunan, landskap bangunan, dan sampul bangunan yang sesuai dengan bangunan hijau dan reka bentuk pasif". Menurut Irvandy Setyanto dan Bambang Soemardiono (2017), "Daripada isu dan masalah yang ada menghasilkan reka bentuk seni bina juga diharapkan dapat menyelesaikan masalah dan menghidupkan semula kemeriahan Zoo Surabaya sekali gus menarik pengunjung untuk datang Kembali nikmati pesona Zoo Surabaya yang semakin pudar beberapa tahun lalu". Memaksimumkan penggunaan ruang dalam landskap adalah isu kritikal. Dalam kebanyakan kes, ruang luar kurang digunakan dan orang ramai cenderung menumpukan pada ruang kediaman dalaman, mengabaikan potensi besar persekitaran luar. Salah satu sebab utama mengapa ruang luar kurang digunakan ialah tanggapan salah bahawa kawasan luar hanya sesuai untuk tujuan rekreasi. Walau bagaimanapun, dengan perancangan dan reka bentuk yang betul, ruang luar boleh diubah menjadi kawasan berfungsi yang mempunyai pelbagai tujuan.

Akhir sekali, isu penghasilan taman dalam universiti. Apabila bercakap tentang tempat pembelajaran tinggi masyarakat tidak akan terfikir akan ada tempat yang menarik di dalam kawasan tersebut. Sebahagian besar kawasan universiti tidak mementingkan kawasan taman dalam kampus. Oleh itu, pengkarya berhasrat untuk

melakukan taman yang berkonsepkan *Educational Art Park* di dalam kawasan kampus untuk menceriakan lagi kawasan-kawasan tertentu dan selain itu juga mampu menarik minat pelajar atau orang awam untuk berkunjung ke kawasan itu. Isu taman dalam universiti menjadi semakin relevan, terutamanya dengan peningkatan minat terhadap kemampanan dan keperluan untuk hasil segar dan sumber tempatan. Taman universiti berpotensi untuk menyediakan pelbagai faedah, menyediakan peluang pendidikan, dan menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Untuk memastikan kejayaan taman universiti, adalah penting untuk mempunyai rancangan dan strategi yang jelas. Pelan ini harus merangkumi faktor seperti reka bentuk taman, pemilihan tanaman, dan amalan penyelenggaraan. Ia juga penting untuk melibatkan pihak berkepentingan, seperti pelajar, fakulti, dan ahli komuniti, dalam perancangan dan pelaksanaan taman universiti untuk memastikan kejayaan dan kemampanan mereka.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencari dan membuktikan kewujudan seni reka bentuk landskap *Land Of Appreciation* yang mempunyai keunikan yang tersendiri. Ini bersesuaian dengan objektif kajian iaitu :

- 1.3.1 Mengidentifikasikan kriteria elemen reka bentuk landskap yang sesuai bagi penghasilan model keratan rentas *educational art park*.
- 1.3.2 Mengaplikasikan elemen reka bentuk landskap *educational art park* dalam penghasilan pelan konsep dan pelan induk.
- 1.3.3 Menginovasikan penghasilan Model 3D reka bentuk landskap melalui kaedah pandangan sisi dan keratan rentas dengan penggunaan skala yang tepat.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian mengandungi soalan yang akan dijawab di dalam kajian ini.

- 1.4.1 Apakah kriteria elemen reka bentuk landskap yang sesuai bagi penghasilan model keratan rentas *educational art park* ?
- 1.4.2 Bagaimanakah elemen reka bentuk landskap *educational art park* dalam penghasilan pelan konsep dan pelan induk ?
- 1.4.3 Bagaimanakah penghasilan Model 3D reka bentuk landskap melalui kaedah pandangan sisi dan keratan rentas dengan penggunaan skala yang tepat ?

1.5 Signifikasi Kajian

Kajian ini yang penting dan bermakna ini bertujuan untuk merakamkan penghargaan kepada alumni UPSI dan tidak lupa juga pada warga UPSI iaitu pegawai atasan, penarah, staff dan juga pelajar yang merentasi empat era *Sultan Idris Training College* (SITC) - Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) - Institut Pendidikan Sultan Idris (IPSI) – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mewarnai dunia pendidikan negara dengan olahan ruang landskap secara visual dalam reka bentuk landskap *Land Of Appreciation*. Kajian ini dilakukan untuk memberikan penghargaan atas pengorbanan dan jasa yang telah diberikan dari era *Sultan Idris Training College* (SITC) sehingga sekarang yang bergelar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Banyak pencapaian yang mereka telah lakukan sehingga mampu menjadikan nama UPSI dikenali di persada negara yang mayshur dengan slogan “UPSI No.1 Pendidikan”. Selain itu, kajian ini juga untuk melihat sejauh mana isu penghargaan untuk warga UPSI mampu divisualkan melalui olahan reka bentuk landskap inovasi pandangan sisi model 3D. Kajian ini juga penting kerana kegemilangan Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai sebuah institusi pendidikan yang unggul dan cemerlang diterjemahkan melalui penghasilan karya reka bentuk landskap yang mengangkat peranan taman sebagai sebuah penghargaan.

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi kajian didefinisikan sebagai analisis teoritikal mengenai kaedah yang sesuai untuk bidang pengajian atau kandungan kaedah dan prinsip tertentu kepada cabang pengetahuan. Teori dalam penyelidikan perlu sentiasa diuji supaya ianya dianggap relevan. Oleh itu, metodologi mempunyai fungsi yang penting dalam penyelidikan ini kerana ia dapat mengenal pasti aktiviti penyelidikan untuk menentukan dan mentakrifkan konsep yang sebenar.

1.6.1 Kaedah Praktis Studio Dalam Penghasilan Model Reka Bentuk Landskap

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian yang berasaskan praktis studio dalam penghasilan reka bentuk landskap. Kaedah kajian ini diperkenalkan oleh Sullivan dimana kajian dijalankan melalui aktiviti refleksi, kontekstual dan reflektif menerusi tinjauan pendekatan konteks isu, komponen isu dan interpretasi isu.

1.7 Carta Perbatuan

Carta Perbatuan adalah sejenis carta bar yang digunakan untuk memaparkan jadual projek tahun akhir secara visual. Jadual ini digunakan dalam aktiviti pengurusan projek untuk memaparkan aktiviti projek, tugas dan peristiwa yang berlaku. Carta ini menerangkan proses pelaksanaan penghasilan model Reka Bentuk Landskap *Land Of Appreciation* mengikut tempoh dan masa yang telah ditetapkan iaitu selama 20 minggu. Berikut merupakan carta perancangan yang dirancang bermula dari minggu pertama hingga minggu ke-20.

PERKARA	MINGGU																			
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
Pemilihan atau penentuan tema dan isu kajian bersama penyelia.																				
Proses pencarian idea.																				
Proses pemilihan																				



tema, isu kajian serta idea yang digunakan.																			
Proses mencari projek rujukan.																			
Proses pengumpulan sumber idea.																			
Proses pemilihan idea dan lakaran.																			
Membuat pelan analisis tapak.																			
Membuat pelan konsep.																			
Penilaian FYP pertama oleh penyelia dan penilai dalaman.																			
Eksperimentasi bahan/media.																			
Proses pemilihan pelan konsep.																			
Penulisan FYP																			





Penilaian FYP ke-2 oleh penyelia dan penilai dalaman.																				
Melukis pelan asas mengikut skala.																				
Membuat lakaran awal pelan induk (<i>master plan</i>)																				
Mock up																				
Mewarna pelan induk																				
Menghasilkan model Reka Bentuk Landskap																				
Menyiapkan model sepenuhnya.																				
Penulisan FYP																				
Pra pameran oleh penyelia dan penilai dalaman.																				
Portfolio FYP																				





Persiapan pameran FYP.																			
Pengumpulan peralatan pameran.																			
Penghantaran model ke dewan SITC menaiki kereta																			
Majlis Perasmian Pameran Artchemist.																			
Penilaian Akhir FYP oleh penyelia.																			
Penilaian Akhir FYP oleh penilai luar.																			
Penilaian Akhir FYP oleh penilai dalaman.																			
Majlis penutup pameran Artchemist dan dinner FYP																			





Sesi fotografi model Reka Bentuk Landskap untuk dimasukkan ke dalam buku katalog FYP																			
Mengemas dan membersihkan ruang pameran san penghantaran karya kembali ke studio menaiki lori UPSI																			
Penghantaran penulisan FYP ke Myguru																			
Penghantaran tesis berjilid kepada penyelaras.																			

Rajah 1 : Carta Perbatuan

